

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED TIMUN**Standard FAMA : FS009 – 2000****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini akan meliputi Timun hijau keputih-putihan dan Timun susu atau nama botaninya *Cucumis sativus* L. yang dipasarkan.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 *Kematangan* - Terdiri daripada tiga (3) indeks kematangan seperti berikut:
 - 2.1.1 Indeks 1 - Muda atau belum matang. Terdapat jalur-jalur hijau meliputi sehingga keseluruhan permukaan kulit daripada bahagian pangkal hingga hujung Timun.
 - 2.1.2 Indeks 2 – Matang. Jalur-jalur hijau meliputi sekurang-kurangnya dua pertiga daripada permukaan Timun dan selebihnya berwarna keputih-putihan.
 - 2.1.3 Indeks 3 - Tua atau terlalu matang. Warna hijau kekuningan. Jika dipotong bijinya agak keras dan empulur agak berserat.
- 2.2 *Kematangan seragam* - Konsainan yang mengandungi satu indeks kematangan.
- 2.3 *Segar* - Kulit Timun tersebut kelihatan licin dan berkilat, tidak berkedut atau kecut dan masih rangup.
- 2.4 *Kotor* – Timun yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 *Kecacatan* – Timun yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.5.1 *Cacat* - Timun yang tidak sempurna bentuknya termasuk yang terlalu bengkok dan mengecil di pangkal, di hujung atau di tengah.
 - 2.5.2 *Cacat rupa* - Kesan-kesan yang mencacatkan permukaan Timun seperti bintik-bintik hitam, berduri semulajadi dan berkarat yang tidak mendatangkan kesan kepada bahagian isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.

- 2.6 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit, kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada kecacatan dan rosak disebabkan kecederaan mekanikal, faktor semula jadi, serangga atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.2 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Timun dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran (Maksimum)
Premium	Timun dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan berbentuk lurus. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan \leq 5% Segar \leq 5% Rosak \leq 5% Kecacatan \leq 5% Keseragaman saiz \leq 5%
1	Timun dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan \leq 5% Segar \leq 5% Rosak \leq 5% Kecacatan \leq 10% Keseragaman saiz \leq 10%
2	Timun dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan \leq 10% Segar \leq 10% Rosak \leq 10% Kecacatan \leq 10% Keseragaman saiz \leq 10%

- 4.2 Timun Hijau putih

Bagi Timun Hijau putih, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Panjang (cm)
Besar	L	> 23
Sedang	M	19 – 23
Kecil	S	< 19

4.3 Timun susu

Bagi Timun Susu, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Panjang (cm)
Besar	L	> 21
Sedang	M	19 – 21
Kecil	S	< 19

Rujukan Standard : Specification for Fresh Cucumbers MS: 956 (1985)

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Timun daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

5.2.1 Tarikh:

5.2.2 Nama/Kod Penanam

5.2.3 Nama/Kod pengeksport/ Kod pengimport

- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.